

**KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
21 FEBRUARI 2023**

**1. TARIKH AKHIR PROMOSI “JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN
MBSP 2023 & MENANG !!! BAGI BIL CUKAI TAKSIRAN
TAHUN 2023**

Adalah dimaklumkan bahawa promosi “*Jom Bayar Cukai Taksiran MBSP 2023 & Menang*” telah bermula pada 1 Disember 2022 dan akan tamat pada 28 Februari 2023. Promosi ini diadakan khas kepada seluruh pemilik premis di Seberang Perai yang membuat pembayaran cukai taksiran setahun 2023 berserta tunggakan (jika ada) secara dalam talian, melalui aplikasi **ASPIRE Seberang Perai**, melalui kiosk atau agensi kutipan yang telah dilantik MBSP. Sebanyak empat puluh (40) hadiah cabutan bertuah yang lumayan telah disediakan dan hadiah berkenaan adalah seperti berikut :

Kedudukan Hadiah	Jenis Hadiah
Tempat Pertama	Wang Tunai RM8,888
Tempat Ke- 2	Wang Tunai RM5,000
Tempat Ke- 3	Wang Tunai RM4,000
Tempat Ke- 4	Wang Tunai RM3,000
Tempat Ke- 5	Wang Tunai RM2,000
Tempat Ke-6 hingga Ke-40	Pelbagai Hadiah Menarik Yang Lain

Saya dengan ini menyeru sekali lagi kepada semua pemilik premis agar segera merebut peluang keemasan ini dengan membuat bayaran cukai taksiran tahun 2023 berserta tunggakan (jika ada) bagi melayakkan anda dalam cabutan bertuah dan berpeluang memenangi hadiah utama wang tunai RM8,888

Maklumat lanjut berkaitan promosi serta terma dan syarat, sila layari laman web <https://www.mbsp.gov.my> atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 696 / 697** atau e-mel di waran@mbsp.gov.my

2. PENGENAAN NOTIS E TAKSIRAN PADA 1 MAC 2023

Dimaklumkan bahawa 28 Februari 2023 (Selasa) merupakan hari terakhir pembayaran cukai taksiran bagi Penggal Pertama 2023. Mulai 1 Mac 2023 (Rabu), caj Notis E sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke atas akaun pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Diharapkan pembayar cukai yang belum menjelaskan cukai taksiran supaya membuat bayaran dengan kadar **SEGERA**. Adalah digalakkan supaya pemilik premis membuat pembayaran

secara dalam talian, melalui aplikasi ASPIRE Seberang Perai, melalui kiosk atau agensi kutipan yang telah dilantik MBSP.

Semakan dan pembayaran juga boleh dibuat di semua kaunter bayaran MBSP di Menara Bandaraya Bandar Perda, Kaunter Cawangan Kampung Jawa, Butterworth dan Kaunter Cawangan Jawi.

3. GARIS PANDUAN KEBUN KOMUNITI BANDAR (URBAN COMMUNITY FARMING) DI SEBERANG PERAI

Pelaksanaan aktiviti Kebun Komuniti Bandar (*Urban Community Farming*) di Seberang Perai adalah bertujuan bagi menyokong pembangunan ekonomi tempatan dalam memupuk integrasi sosial di kalangan masyarakat melalui penglibatan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), KRT, RT dan JMB/MC. Garis Panduan Kebun Komuniti Bandar (*Urban Community Farming*) di Seberang Perai Majlis Bandaraya Seberang Perai telah diwujudkan bagi mencapai tujuan ini.

Aktiviti kebun bandar ini perlu dijalankan secara berkumpulan (minima 10 orang) Penglibatan masyarakat setempat adalah secara sukarela dan mempunyai ketua kumpulan (*local champion*). Sekiranya ada penglibatan dari mana-mana NGO, pelaksanaan aktiviti ini perlulah mendapat persetujuan MPKK dan ianya akan menjadi tanggungjawab bersama antara kedua-dua pihak (NGO dan MPKK).

Kebun Komuniti Bandar (*Urban Community Farming*) adalah bersifat sementara dengan tempoh yang dibenarkan adalah selama dua (2) tahun sahaja. Pihak pemohon adalah dikehendaki untuk memperbaharui semula permohonan setelah tempoh tersebut tamat sekiranya pemohon masih berminat untuk meneruskan aktiviti tersebut. Penyerahan hak guna kepada mana-mana individu/ pihak ketiga adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

Risalah panduan bagi permohonan kebun komuniti bandar turut disediakan bagi memudahkan warga Seberang Perai memahami kaedah untuk memohon kebenaran menjalankan aktiviti Kebun Komuniti Bandar ini.

4. SAMBUTAN AWAL RAMADHAN

Dimaklumkan bahawa umat Islam dijangka akan menyambut bulan Ramadhan al-Mubarak pada 23 Mac 2023 (Khamis). Justeru, saya dengan rasa kesyukuran ingin mengucapkan Selamat Berpuasa kepada seluruh umat Islam di Seberang Perai.

SEKIAN, TERIMA KASIH.